

**Dungun**

“Ini sesuatu bersejarah buat kami di sini,” kata Pengurus Projek Konservasi Penyu, Lang Tengah Turtle Watch, Abidah Zaaba berhubung penemuan anak penyu agar berkepala dua pada 30 Ogos lalu.

Abidah berkata, anak penyu itu dijumpai ketika membuat kerja pemeriksaan sarang kira-kira jam 11 pagi.

Menurutnya, pihaknya mengeram 110 telur penyu di sebuah sarang di situ pada 1 Julai lalu.

“Selama hampir dua bulan, anak penyu mula menetas dan sebanyak 57 ekor berjaya menetas dengan selamat.

“Selepas beberapa hari, kami melakukan pemeriksaan dan terkejut apabila menemui seekor anak penyu berkepala dua yang masih hidup,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut memeriksa 53 baki telur yang gagal dan salah satu telur itu mengandungi anak penyu kembar namun sudah mati.

“Penemuan anak penyu berkepala dua ini adalah kali kedua. Kali pertama pada



ABIDAH menunjukkan penyu berkepala dua yang baru menetas di Dungun.

# ANAK PENYU BERKEPALA DUA

H/M 3/9/2022 MS: 13

*Penemuan bersejarah kali kedua di Projek Konservasi Penyu, Lang Tengah Turtle Watch di Terengganu*

Jun tahun lalu namun ia sudah mati di dalam telur.

“Anak penyu berkepala dua yang selamat ini dihan-

tar ke Pusat Penerangan dan Informasi Penyu di Rantau Abang kerana kami tiada kepakaran dan pengalaman

menjaganya,” katanya.

Menurutnya, telur penyu yang dieram itu dibeli daripada pemajak telur penyu

di Teluk Batu, Pantai Kijal.

“Selain daripada penyu yang naik bertelur di sekitar Pantai Kuala Abang dan



Anak penyu berkepala dua yang selamat ini dihantar ke Pusat Penerangan dan Informasi Penyu di Rantau Abang kerana kami tiada kepakaran dan pengalaman menjaganya”

**Abidah Zaaba**

Pantai Tahu Tiga (Teluk Bidara), kami turut membeli telur penyu daripada pemajak di sekitar Kerteh, Kijal dan Kuala Dungun untuk dieram di sini,” katanya.

Abidah berkata, beliau berharap anak penyu berkepala dua itu dapat membesar dengan sempurna supaya ia akan menjadi sejarah kepada generasi akan datang.

“Biasanya penyu berkepala dua ini tidak dapat hidup lama namun kita berharap berlaku keajaiban dan ia dapat hidup lebih lama,” katanya.

Beliau berkata, sejak beroperasi dari 2016 hingga Ogos tahun ini, 93,660 biji telur penyu dan tuntung laut berjaya dieram dan 66,037 anak penyu menetas serta dilepaskan ke laut.